

# Inisiatif melahirkan graduan perakaunan mahir

UB 29.06.2023 P.06

**KOTA KINABALU:** Ceramah profesional ‘MIA and the Accountancy Profession In Malaysia’ anjuran Pusat Perakaunan, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) merupakan inisiatif fakulti itu dalam usaha menyediakan bakal graduan bidang perakaunan yang mahir dan bertauliah.

Menurut kenyataan dari Pusat Perakaunan UMS, ceramah tersebut antara lain bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada

pelajar perakaunan tahun pertama berkaitan profesional perakaunan dan kerjaya dalam bidang perakaunan di Malaysia.

“Ceramah yang disampaikan oleh Ketua Institut Akauntan Malaysia (MIA) Wilayah Sabah, Susan Maiks juga turut memberi pengertuan tentang bagaimana menjadi seorang akauntan yang bertauliah.

“Ceramah ini melibatkan penyertaan sejumlah 54 orang pelajar tahun pertama program Perakaunan,” demikian menurut kenyataan

tersebut.

Siri ceramah profesional seumpama juga dilaksanakan setiap semester kepada pelajar perakaunan UMS bagi memastikan para pelajar sentiasa mengikuti perkembangan terkini berkenaan badan profesional tersebut selaras dengan pengiktirafan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan kepujian oleh MIA.

Turut hadir pada sesi ceramah tersebut Pengarah Pusat Perakaunan UMS, Jainurin Justine @ Abdul Aziz.



**TERIMA KASIH:** Jainurin menyampaikan cenderamata kepada Susan.